Publication: Berita Harian, p 13

Date: 12 October 2017

Headline: Former president Tony Tan appointed honorary patron, senior fellow of SMU

Mantan presiden Tony Tan dilantik penaung kehormat, felo kanan SMU



DR TONY TAN: Mantan presiden Singapura sekarang dilantik menjadi penaung kehormat dan felo kanan SMU, universiti yang beliau bantu tubuhkan dulu. – Foto fail

MANTAN presiden Tony Tan Keng Yam dilantik menjadi penaung kehormat dan felo kanan ternama Universiti Pengurusan Singapura

(SMU).
Semasa menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dulu, Dr Tan telah memainkan peranan penting dalam penubuhan SMU.
Setakat ini, Dr Tan tidak mendedahkan sebarang rancangan masa depannya selepas melepaskan jawatan presiden

uepaunya setepas melepaskan jawa-tan presiden.
Namun, akhbar *The Straits Times*(ST) terlihat e-mel kepada anggota
SMU bulan lalu yang menyatakan ba-hawa Dr Tan menerima pelantikan itu.

itu.
Presiden SMU Arnoud De Meyer
berkata tawaran itu diberi kepada Dr
Tan setelah beliau mengundurkan diri sebagai presiden pada 31 Ogos. Dr
Tan menerima tawaran bulan lalu.

Tan menerima tawaran bulan lalu.
"Dr Tan memainkan peranan penting dalam penubuhan SMU," kata Profesor De Meyer.
"Semasa berkhidmat sebagai presiden Singapura, beliau menjadi penaung kami, maka wajarlah lembaga pemegang amanah menawarkannya gelaran penaung kehormat pula atas sumbangannya yang banyak kepada SMU."
Gelaran felo kanan ternama itu, katanya, adalah serupa gelaran yang katanya.

katanya, adalah serupa gelaran yang diberi kepada seorang lagi mantan presiden, mendiang Encik S R Nathan.

Encik Nathan – penaung SMU se-masa menjadi presiden keenam Sin-gapura – dilantik felo kanan ternama di Sekolah Sains Kemasyarakatan

SMU juga selepas mengundurkan di-

ri sebagai presiden pada 2011. Profesor De Meyer berkata keha-diran Dr Tan di SMU suatu penghor-

diran Dr Tan di SMU suatu penghor-matan.

"Kami berharap fakulti dan kaki-tangan dapat meraih manfaat hasil pandangannya, berdasarkan kerjaya luar biasanya dalam bidang aka-demik, peringasan dan pemerintah," ujar Profesor De Meyer.

Dr Tan mula memantau bidang pendidikan peringkat universiti seki-tar 1990-an.
Beliau tokoh penting di sebalik

Beliau tokoh penting di sebalik penubuhan SMU, yang dibina pada 2000 sebagai universiti autonomi pendanaan awam pertama di Singa-

pencamani awam penempungan Apabila pemerintah mengusulkan dea membina universiti ketiga di Sin-gapura pada 1997, Dr Tan yakin insti-tusi itu haruslah berbeza daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang ANTI h

Omversit Nasiona singapura (NCOS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Dua universiti awal itu didasari kaedah British.

Beliau berpendapat universiti baru itu harus mengikuti cara Amerika Syarikat, yang menumpukan perhatian terhadap aspek pengurusan, perniagaan dan ekonomi.

Malah, beliau melawat beberapa universiti di Amerika demi mempelajari cara di sana dan meneroka potensi kerjasama.

Dr Tan membantu memulakan sekolah itu, dengan mendapatan bantuan peniaga mapan dan pengerusi lembaga pengamanah SMU Ho Kwon Ping.